

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS**  
**[ JERANTUT ]**

**SOALAN : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]**  
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan  
usaha dan langkah yang diambil agar  
keselamatan sempadan negara terkawal dan  
kekal berdaulat memandangkan peningkatan  
keberadaan tentera asing di Laut China Selatan  
yang menjadi pertikaian.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Jerantut atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Secara umumnya, isu Laut China Selatan melibatkan dua aspek:-

**Pertama**, keperluan memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan, atau dengan izin, *freedom of navigation and over-flight*.

**Kedua**, tuntutan bertindih melibatkan beberapa buah negara iaitu Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Vietnam serta China.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan. Tindakan-tindakan yang sewajarnya, termasuklah rondaan, pengawasan dan penguatkuasaan, sentiasa diambil bagi memastikan kepentingan negara sentiasa terpelihara.

4. Pendirian Malaysia berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua tuntutan dan penyelesaiannya hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah **Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982** atau **UNCLOS 1982**.

5. Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain, tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan ***nine-dash line*** kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah ***UNCLOS 1982***.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani **Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)*** pada 4 November 2002.

7. Melalui ***DOC***, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman.

8. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Code of Conduct in the South China Sea (COC)***.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, Kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Kerajaan juga akan terus memantau perkembangan semasa di Laut China Selatan supaya kepentingan negara sentiasa terpelihara. Dalam masa yang sama, usaha-usaha di

peringkat serantau khususnya di bawah ASEAN perlu terus dilaksanakan supaya Laut China Selatan dan rantau Asia Tenggara kekal aman dan stabil.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Saya ingin tegaskan bahawa isu Laut China Selatan adalah kompleks dan melibatkan hubungan antara negara. Saya juga ingin tegaskan bahawa Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.